

Nama: .....

Tingkatan: .....

LENCANA  
SEKOLAH

ALAMAT SEKOLAH

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022****SEJARAH****Kertas 1****November 2022****1 jam****1249/1**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

- 1 Dalam sistem politik Melayu tradisional, wilayah pengaruh yang luas menggambarkan
  - A Memperolehi pelbagai jenis lambang
  - B Mempunyai kewibawaan pemerintah
  - C Menggunakan gelaran sultan
  - D Mendapat banyak lawatan
  
- 2 Peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka yang dianggap sebagai sistem kerah  
ialah
  - I Membina istana
  - II Membina jalan
  - III Membina rumah
  - IV Membina sekolah
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
- 3 Sayyid Jamal al-Din telah mempelopori gerakan berikut.

Gerakan Islah Gerakan Pan-Islamisme
----------------------------------------

Kedua-kedua gerakan tersebut menyentuh tentang

- A kepesatan kegiatan ekonomi
- B Berpegang pada ajaran agama
- C ancaman oleh kaum imigran
- D kelemahan sistem pentadbiran

- 4 Sistem pendidikan pada zaman penjajah telah membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Kemasukan kaum imigran tidak terkawal
  - B Kemunculan ramai golongan intelek
  - C Kehilangan golongan bangsawan
  - D Kepelbagaian sukatan mata pelajaran
- 5 Mengapakah pakatan ketenteraan antara negara Eropah mencetuskan Perang Dunia Pertama?
- A Bersaing menghasilkan senjata
  - B Rakyat dibebani cukai yang tinggi
  - C Membenci golongan monarki
  - D Fahaman komunis berkembang
- 6 Berikut adalah gelaran kepada negara-negara sewaktu penjajahan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Negara	Gelaran
Singapura	Syonan-to
Tanah Melayu	X

Apakah X?

- A Kita Borunio
- B Tenno Heika
- C Nippon Go
- D Malai Baru

7 British telah memperkenalkan British Military Administration selepas Jepun menyerah kalah dengan tujuan .

- I Mengembalikan keamanan
- II Memulih kepercayaan rakyat
- III Menghasilkan senjata baru
- IV Membina kampung putih

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 British telah memperkenalkan Malayan Union yang telah mendapat tentangan yang hebat.

Apakah tindakan Raja-raja Melayu untuk menghalang pelaksanaan Malayan Union?

- A Membentuk pertubuhan radikal
- B Mengisytiharkan ZOPFAN
- C Membebaskan tanah jajahan
- D Menghantar surat ke London

9 Apakah jasa tokoh berikut terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?



Dato Onn Bin Jaafar

- A Menganggotai Jawatankuasa Kerja
  - B Menggubal pendidikan anak tempatan
  - C Menentang sistem pemerintahan beraja
  - D Menganjur perkembangan pengaruh komunis
- 10 Berdasarkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 jus soli hanya diberikan kepada?
- I Rakyat Asing
  - II Rakyat Raja
  - III Rakyat British
  - IV Rakyat Pribumi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 11 Komunis melakukan pelbagai keganasan dan huru hara diseluruh negara dengan tujuan untuk?
- A Mendapat kewarganegaraan
  - B Penduduk hilang keyakinan
  - C Menguasai Pulau Jawa
  - D Program latihan

- 12 Maklumat berikut berkaitan usaha untuk menangani ancaman komunis di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Usaha	Tindakan
Undang-undang Darurat	Menangkap sesiapa yang disyaki

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap orang yang disyaki terlibat dengan komunis?

- A Hukuman mati
  - B Parti mereka diharamkan
  - C Rumah akan digeledah
  - D Tiada perbicaraan
- 13 Bagaimanakah British menjalankan dasar dekolonisasi kepada penduduk Tanah Melayu selepas Perang Dunia kedua?
- I Menubuhkan Sistem Ahli
  - II Membubarkan parti radikal
  - III Menghalang pilihanraya umum
  - IV Mengetuai beberapa jabatan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 14 Berikut adalah parti-parti politik yang ditubuhkan selepas Pperang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

PKMM
API
UMNO
IMP
PAS

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegarakan sektor perusahaan  
 B Menyusun semula sistem pemilikan  
 C Menentang amalan buruh paksa  
 D Menjamin kejayaan perjuangan
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk penyata susunan semasa pilihanraya umum dinegara kita sebelum merdeka.

Bentuk	Maklumat
A	Tidak lewat dari November
B	Tidak menentukan Tarikh dan masa tertentu

Apakah persamaan kedua bentuk penyata susunan pilihanraya tersebut?

- A Konsep parti ialah Merdeka dengan Darah  
 B Mempunyai seorang Speaker  
 C Keahlian yang terbuka kepada semua  
 D Mengutamakan slogan parti

- 16 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan telah mengalami perubahan dari tahun 1948 ke tahun 1955.

Mengapakah penubuhan majlis tersebut penting terhadap Tanah Melayu?

- A Pengekalan sistem pemerintahan raja mutlak
  - B Penggubalan undang-undang Persekutuan
  - C Pengukuhan kuasa politik bumiputera
  - D Penjimatan perbelanjaan kerajaan
- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.


Tugas	Huraian
1	Memeriksa aturan pelebagaan
2	Memberi cadangan terhadap pelebagaan

Mengapakah suruhanjaya tersebut perlu menjalankan tugas seperti yang dinyatakan diatas?

- A Membentuk negara merdeka yang sejahtera
- B Menerima desakan daripada penjajah British
- C Memastikan kemenangan dalam pilihan raya
- D Memantapkan penguasaan politik penjajah



- 18 Rajah berikut berkaitan dengan proses penggubalan Pelembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.



Apakah X?

- A Majlis Raja-raja memberi perkenan
- B Perbahasan draf di Parlimen
- C Draf diluluskan oleh Majlis Perundangan
- D Rombongan ke London
- 19 Persediaan menyambut Pemasyruran Kemerdekaan negara telah diatur di peringkat Persekutuan dan juga negeri.
- Persediaan yang manakah yang terkandung dalam Jawatankuasa Persediaan Fizikal?
- A Membina stadium
- B Menghiasi lampu
- C Mengibar bendera
- D Menganjurkan kursus

- 20 Sebagai sebuah negara yang merdeka, kita telah
- I Menumpaskan kuasa raja
  - II Menyokong golongan parti radikal
  - III Mengamalkan Demokrasi Berparlimen
  - IV Mempunyai Menteri Luar tanda kebebasan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 21 Negara yang berdaulat mempunyai ciri-ciri politik berikut iaitu
- I Mempunyai pemerintahan yang adil
  - II Mempunyai rakyat yang bersatu padu
  - III Mempunyai identiti budaya yang sama
  - IV Mempunyai perundangan yang mantap
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 22 Apakah kepentingan mewujudkan kesejahteraan sosial kepada negara yang berdaulat?
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum
  - B Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain
  - C Melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran
  - D Mewujudkan keberkesanan pentadbiran

- 23 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 mengambil kira terma rujukan utama bagi menjadi asas perlembagaan negara kita pada hari ini. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan terma tersebut?
- A Kerajaan Negeri yang kukuh
  - B Ahli parlimen berkuasa penuh
  - C Majlis Undangan Negeri
  - D Kewarganegaraan yang sama
- 24 Selepas merdeka, bahasa Melayu telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Apakah peranannya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Bahasa ilmu
  - B Bahasa kebangsaan
  - C Bahasa perpaduan
  - D Bahasa rasmi
- 25 Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-Raja mesti diturunkan dengan cap Mohor Besar. Mengapakah cap tersebut penting sehingga hari ini?
- A Melambangkan kekuasaan dan kedaulatan
  - B Memilih senarai ahli dalam dewan parlimen
  - C Menjadi rujukan dalam perubahan dasar
  - D Melindungi hak asasi semua orang

26 Amalan pilihan raya adalah elemen penting dalam mencorakkan pemerintahan demi kemakmuran negara kita.

Mengapakah amalan tersebut diadakan?

- A Melahirkan rakyat yang demokratik
- B Mengukuhkan kedudukan institusi beraja
- C Memperkenan perubahan persempadanan
- D Mengelakkan pengaruh parti berhaluan kiri

27 Apakah kesan peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
1999	Perpindahan pusat pentadbiran dari Kuala Lumpur ke Putrajaya

- A Melindungi undang-undang Islam
- B Menambah kawasan perumahan awam
- C Kerajaan Persekutuan yang lebih sistematik
- D Kerajaan peringkat ketiga dalam pentadbiran

28 Penubuhan FELDA dan FELCRA menunjukkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Bagaimanakah bentuk kerjasama tersebut?


- A Pembangunan sosioekonomi
- B Perumahan mesra rakyat
- C Pengurusan taman negara
- D Pembangunan koridor wilayah

29 Apakah idea gagasan Malaysia?

- I Menggantikan British
- II Menggabungkan wilayah
- III Mempercepat kemerdekaan
- IV Menyerahkan Singapura

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Rajah berikut menunjukkan usaha pembentukan Malaysia.



Yang manakah antara berikut peranan X?

- A Mentafsir perlembagaan
- B Menyerahkan laporan
- C Menggubal dasar negara
- D Membahaskan perbelanjaan

31 Faktor sosial mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia.  
Apakah isu dalam faktor tersebut?

- I Men mengenakan tambahan cukai
- II Menimbulkan rusuhan kaum
- III Menuntut persamaan hak
- IV Menyekat peranan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Kerajaan telah melaksanakan gerakan perang saraf dan operasi ketenteraan di Sarawak pada tahun 1952.  
Mengapakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Memberi kesedaran ancaman komunis
- B Mengelakkan campur tangan asing
- C Mengawal penggunaan teknologi
- D Mencari pasaran baru komoditi negara

- 33 Gambar menunjukkan logo pusat pengajian tinggi awam pertama yang berjaya memperkenalkan pengajian dalam pelbagai jurusan dan bidang.



Apakah tujuan UKM ditubuhkan?

- A Menerbitkan buku dan majalah
  - B Memartabatkan bahasa Melayu
  - C Menggubal Akta Bahasa Kebangsaan
  - D Memperkenal kesenian dan kebudayaan
- 34 Sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan dalam kalangan murid sekolah.

Apakah matlamat utama aktiviti ini dalam pendidikan?

- I Memajukan industri awam
  - II Mengiktiraf pasukan kebangsaan
  - III Memupuk semangat berpasukan
  - IV Menggalakkan setia kawan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

35 Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu melalui agihan ekonomi yang seimbang.

Apakah langkah-langkah bagi tujuan tersebut?

- I Meningkatkan taraf hidup rakyat
- II Melalui pembangunan wilayah
- III Memperkenalkan misi pengaman
- IV Melaksanakan dasar hubungan luar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36 Apakah objektif DPN?

- A Pembentukan negara merdeka
- B Pengiktirafan dari negara luar
- C Pembangunan ekonomi mampan
- D Penganjuran dasar kebudayaan

37 Apakah faktor penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Kuasa Autonomi
- B Kerjasama swasta
- C Kerusi terbanyak
- D Keperluan nasional



38 Berikut adalah komitmen Malaysia dalam agensi PBB.

- |                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• FAO</li><li>• WHO</li><li>• UNHCR</li></ul> |
|-------------------------------------------------------------------------------------|

Apakah kesan komitmen tersebut?

- A Mengatasi isu pertindihan sempadan negara
  - B Mengekalkan kestabilan dan keamanan dunia
  - C Terhasil perjanjian kerjasama serantau
  - D Tidak mudah mempercayai penjajah
- 39 Apakah faktor Malaysia menjadikan ASEAN sebagai platform penting pada peringkat serantau dan global?
- A Pemisahan Singapura
  - B Pengiktirafan kuasa besar
  - C Pengukuhan perpaduan kaum
  - D Penentangan Indonesia
- 40 Malaysia tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu pemerdagangan orang. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit isu tersebut?
- A Kekurangan infrastruktur
  - B Kemunculan ideologi baharu
  - C Kebebasan hak asasi manusia
  - D Kedudukan yang strategik

KERTAS SOALAN TAMAT